

Penyata Kewangan

- 150** Laporan Pengarah
- 153** Penyata Kedudukan Kewangan
- 154** Penyata Pendapatan
- 155** Penyata Pendapatan Komprehensif
- 156** Penyata Perubahan Ekuiti
- 159** Penyata Aliran Tunai
- 162** Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
- 224** Penyata Lembaga Pengarah
- 224** Akuan Berkanun
- 225** Laporan Juruaudit Berkecuali

Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan serta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ini adalah pegangan pelaburan.

Anak-anak syarikat Kumpulan ini adalah Cagamas Berhad ("Cagamas") dan Cagamas MBS Berhad ("CMBS").

Kegiatan utama Cagamas adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Cagamas dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas juga membeli kemudahan kewangan Islam seperti pembiayaan rumah, sewa beli dan pembiayaan peribadi yang dibiayai melalui terbitan Sukuk.

Kegiatan-kegiatan utama anak syarikat lain, CMBS, adalah membeli aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan Malaysia ("GOM") dan penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam ("IRMBS") untuk membiayai pembelian tersebut.

Kegiatan utama anak-anak syarikat Kumpulan ini dan Syarikat-syarikat Tujuan Khas ("SPE") juga dinyatakan di Nota 19 dan 20 kepada penyata kewangan.

Tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara ke atas kegiatan-kegiatan ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Untung untuk tahun kewangan	455,664	123,322

DIVIDEN

Dividen yang dibayar atau diisyiharkan oleh Syarikat ini sejak 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010:	
– dividen interim pertama dibayar pada 23 Jun 2010	16,875
– dividen interim kedua dibayar pada 25 Oktober 2010	5,625
	<hr/> 22,500

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Kesemua pindahan matan kepada atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan berakhir ini ditunjukkan di dalam penyata kewangan ini.

PROFIL PENARAFAN BON DAN SUKUK

RAM Rating Services Berhad ("RAM") memberi penarafan AAA/P1 kepada terbitan bon-bon, nota-nota dan Sukuk dikeluarkan oleh Kumpulan ini. Malaysian Rating Corporation Berhad ("MARC") memberi penarafan AAA/AAA_{ID}, dan MARC-1/MARC-1_{ID} kepada terbitan bon-bon, nota-nota dan Sukuk Kumpulan ini. Selain daripada itu, RAM dan MARC juga telah memberi penarafan AAA dan AAA/AAA_{ID}/AAA_{IS} masing-masing kepada Bon Berkadar Tetap bersandarkan aset dan terbitan Sukuk Musyarakah.

URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Kebanyakan urus niaga Kumpulan ini melibatkan pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan, kemudahan pembiayaan Islam serta terbitan sekuriti hutang tak bercagar dan Sukuk adalah dibuat secara tulus dengan pelbagai institusi kewangan termasuk para pemegang syer penting Syarikat ini.

LEMBAGA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan sejak tarikh laporan yang terakhir adalah seperti berikut:

Dato' Ooi Sang Kuang (Pengerusi)
 Dato' Mohd Razif Abd Kadir
 Tang Wing Chew
 Datuk George Ratilal
 Dato' Charon Wardini Mokhzani
 Dato' Sri Abdul Wahid Omar

Menurut artikel 19.13 dan 19.14 yang dinyatakan dalam Tataurusan Persatuan Syarikat, Encik Tang Wing Chew dan Datuk George Ratilal bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan oleh kerana berkelayakan, mereka menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

FAEDAH PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat ini tidak terlibat di dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan Pengarah mendapat faedah melalui perolehan syer atau debentur Kumpulan dan Syarikat ini atau badan korporat lain.

Sejak akhir tempoh kewangan yang lalu, tidak ada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima apa-apa faedah (selain daripada Ganjaran Pengarah yang dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan) berdasarkan kepada kontrak yang dibuat oleh Kumpulan dan Syarikat ini dengan Pengarah berkenaan atau dengan firma di mana Pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat yang mana dia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SYER DAN DEBENTUR

Mengikut daftar pemegangan syer para Pengarah, Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam syer dan opsyen bagi syer dalam Kumpulan dan Syarikat ini atau syer, opsyen bagi syer dan debentur korporat-korporat yang berkaitan semasa tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (a) untuk menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang ragu, dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan terealisasi dalam urusan perniagaan biasa, nilai yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat ini telah dikurangkan nilainya ke nilai yang dijangka boleh terealisasi.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang mungkin mengakibatkan:

- (a) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini tidak mencukupi dengan ketaranya; atau
- (b) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini mengelirukan; atau
- (c) kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat ini yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang cagaran terhadap aset Kumpulan dan Syarikat ini yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat ini yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Menurut pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat ini untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan atau ketidaksesuaian terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat ini sepanjang tahun kewangan tidak terjejas oleh sebarang butir, urus niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa; dan
- (b) tiada timbul sebarang butir, urus niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini yang boleh menjelaskan keputusan Kumpulan dan Syarikat ini untuk tahun kewangan laporan ini disediakan.

JURUAUDIT

Juruaudit Kumpulan dan Syarikat ini, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus menjadi juruaudit Kumpulan dan Syarikat ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah.


DATO' OOI SANG KUANG
PENGERUSI


DATUK GEORGE RATILAL
PENGARAH

Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	5	150,788	783,871	551	6
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6	81,722	489,052	350	–
Instrumen kewangan derivatif	7	2,848	10,725	–	–
Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	8	1,489,594	2,038,180	–	–
Jumlah ter hutang daripada rakan niaga	9	4,325,110	4,657,507	–	–
Hutang pembiayaan Islam	10	6,854,347	4,578,532	–	–
Aset gadai janji					
Konvensional	11	11,384,572	12,187,286	–	–
Islam	12	7,696,191	7,973,299	–	–
Aset sewa beli					
Konvensional	13	761	2,675	–	–
Islam	14	25,463	28,375	–	–
Jumlah ter hutang daripada SPE		62	51	–	–
Jumlah ter hutang daripada syarikat usaha sama		–	9	–	–
Aset-aset lain	15	42,879	50,474	–	–
Harta dan kelengkapan	16	5,363	6,253	–	–
Aset tak ketara	17	13,943	15,606	–	–
Cukai tertunda	18	5,170	21,465	–	–
Pelaburan dalam anak syarikat	19	–	–	3,981,628	3,981,628
Pelaburan dalam SPE	20	–	–	–	–
Kepentingan dalam syarikat usaha sama	21	51,852	50,865	50,000	50,000
Jumlah ter hutang daripada anak syarikat		–	–	133,335	–
JUMLAH ASET		<u>32,130,665</u>	<u>32,894,225</u>	<u>4,165,864</u>	<u>4,031,634</u>
LIABILITI					
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	22	10,039,490	11,450,880	–	–
Bon Islam	23	10,651,329	9,154,815	–	–
Instrumen kewangan derivatif	7	46,813	52,507	–	–
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman	24	4,135,420	4,902,702	–	–
Sekuriti bersandarkan gadai janji					
kediaman Islam	25	3,382,798	3,929,642	–	–
Cukai tertunda	18	368,789	298,290	33,335	–
Peruntukan cukai		13,272	44,193	64	–
Liabiliti-liabiliti lain	26	13,473	13,661	10	–
Jumlah ter hutang kepada anak syarikat		–	–	2	3
JUMLAH LIABILITI		<u>28,651,384</u>	<u>29,846,690</u>	<u>33,411</u>	<u>3</u>
DIWAKILI OLEH:					
Modal syer	27	150,000	150,000	150,000	150,000
Rizab	28	3,329,281	2,897,535	3,982,453	3,881,631
DANA PEMEGANG SYER					
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER		<u>32,130,665</u>	<u>32,894,225</u>	<u>4,165,864</u>	<u>4,031,634</u>
ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)	36	<u>23.10</u>	<u>20.21</u>	<u>27.55</u>	<u>26.88</u>

Penyata Pendapatan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
Pendapatan faedah	29	1,119,453	1,154,390	11	–
Perbelanjaan faedah	30	(698,696)	(721,597)	–	–
Pendapatan operasi Islam	46	240,179	243,543	–	–
Pendapatan bukan faedah	31	(13,256)	(13,511)	164,585	30,000
		647,680	662,825	164,596	30,000
Perbelanjaan pentadbiran dan am		(17,421)	(18,087)	(158)	–
Kos kakitangan		(20,701)	(21,020)	–	–
Perkongsian untung dalam syarikat usaha sama	21	922	869	–	–
		610,480	624,587	164,438	30,000
Peruntukan bagi kerugian penjejasan	32	–	(65,426)	–	–
UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	33	610,480	559,161	164,438	30,000
Zakat		(836)	(1,921)	–	–
Cukai	35	(153,980)	(142,551)	(41,116)	(7,500)
UNTUNG UNTUK TAHUN KEWANGAN		455,664*	414,689*	123,322	22,500
PENDAPATAN SESYER (SEN)	36	303.78	276.46	82.21	15.00
DIVIDEN SESYER (SEN)	37			15.00	15.00

* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 49 kepada penyata kewangan, untung bersih untuk tahun kewangan Kumpulan ini termasuk untung untuk CMBS sebanyak RM213,240,000 (2009: RM197,836,000) yang berkemungkinan tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada GOM selepas penyelesaian penuh RMBS/IRMBS.

Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
Untung untuk tahun kewangan	455,664	414,689	123,322	22,500
Pendapatan komprehensif lain:				
Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual				
Untung/(rugi) bersih atas perubahan nilai saksama sebelum cukai	3,488	(4,649)	–	–
Cukai tertunda	(851)	1,161	–	–
Nilai terlindung aliran tunai				
(Rugi)/untung bersih sebelum cukai	(3,600)	46,525	–	–
Cukai tertunda	(627)	(9,995)	–	–
Pindahan kepada penyata pendapatan selepas perlindungan tidak efektif	107	265	–	–
Hak pendapatan komprehensif lain dalam syarikat usaha sama	65	–	–	–
(Rugi)/pendapatan komprehensif lain untuk tahun kewangan, selepas cukai	(1,418)	33,307	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan	454,246	447,996	123,322	22,500

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Kumpulan	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar Nota sepenuhnya RM'000	Rizab pelepasan premium syar RM'000	Rizab pelepasan perolehan terbalik RM'000	Rizab sedia untuk dijual RM'000	Rizab nilai terlindung tunai RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Lain-lain rizab* RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2010	150,000	3,831,628	(3,831,628)	843	(24,905)	1,906,351	1,015,246*	3,047,535
Untung untuk tahun kewangan		-	-	-	-	455,664	-	455,664
Pendapatan/(rugi) komprehensif lain		-	-	-	2,637	(4,120)	-	(1,483)
Hak pendapatan komprehensif lain dalam syarikat usaha sama		-	-	65	-	-	-	65
Jumlah pendapatan/(rugi) komprehensif untuk tahun kewangan		-	-	2,702	(4,120)	455,664	-	454,246
Dividen interim pertama untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010	37	-	-	-	-	(16,875)	-	(16,875)
Dividen interim kedua untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010	37	-	-	-	-	(5,625)	-	(5,625)
Baki pada 31 Disember 2010	27 & 28	150,000	3,831,628	(3,831,628)	3,545	(29,025)	2,339,515	1,015,246*
								3,479,281

* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 49 kepada penyata kewangan, rizab-rizab lain berkaitan dengan keuntungan terkumpul CMBS adalah tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada GOM selepas penyelesaian penuh RMBS/IRMBS.

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 (sambungan)

Kumpulan	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya RM'000	Rizab pelepasan premium syer RM'000	Rizab pelepasan perolehan terbalik RM'000	Rizab sedia untuk dijual RM'000	Rizab nilai terlindung tunai RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Lain-lain rizab* RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2009	150,000	3,831,628	(3,831,628)	4,381	(61,700)	1,514,162	1,015,246*	2,622,039
Untung untuk tahun kewangan (Rugi)/pendapatan komprehensif lain	-	-	-	-	-	414,689	-	414,689
Jumlah (rugi)/pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan	-	-	-	(3,488)	36,795	-	-	33,307
Dividen interim pertama untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	37	-	-	-	-	(16,875)	-	(16,875)
Dividen interim kedua untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	37	-	-	-	-	(5,625)	-	(5,625)
Baki pada 31 Disember 2009	27 & 28	150,000	3,831,628	(3,831,628)	843	(24,905)	1,906,351	1,015,246*
								3,047,535

* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 49 kepada penyata kewangan, rizab-rizab lain berkaitan dengan keuntungan terkumpul CMBS adalah tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada GOM selepas penyelesaian penuh RMBS/IRMBS.

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 (sambungan)

Syarikat	Nota	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	Tidak boleh Diagihkan	Boleh Diagihkan	
		Modal syer RM'000	Rizab pelepasan premium syer RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2010		150,000	3,831,628	50,003	4,031,631
Untung untuk tahun kewangan		–	–	123,322	123,322
Pendapatan komprehensif lain		–	–	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan		–	–	123,322	123,322
Dividen interim pertama untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010	37	–	–	(16,875)	(16,875)
Dividen interim kedua untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010	37	–	–	(5,625)	(5,625)
Baki pada 31 Disember 2010	27 & 28	<u>150,000</u>	<u>3,831,628</u>	<u>150,825</u>	<u>4,132,453</u>
Baki pada 1 Januari 2009		150,000	3,831,628	50,003	4,031,631
Untung untuk tahun kewangan		–	–	22,500	22,500
Pendapatan komprehensif lain		–	–	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan		–	–	22,500	22,500
Dividen interim pertama untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	37	–	–	(16,875)	(16,875)
Dividen interim kedua untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	37	–	–	(5,625)	(5,625)
Baki pada 31 Disember 2009	27 & 28	<u>150,000</u>	<u>3,831,628</u>	<u>50,003</u>	<u>4,031,631</u>

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
KEGIATAN OPERASI				
Untung untuk tahun kewangan	455,664	414,689	123,322	22,500
Pelarasan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dan yang tidak melibatkan pergerakan tunai dan kesamaan tunai:				
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskau	(1,107)	(8,226)	–	–
ke atas sekuriti pelaburan sedia untuk dijual				
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskau	(1,184)	(2,682)	–	–
ke atas sekuriti hutang Islam	(299,864)	(293,303)	–	–
Pertambahan diskau aset gadai janji	(188,136)	(187,497)	–	–
Pertambahan diskau aset sewa beli	(33)	(19)	–	–
Pertambahan diskau aset sewa beli Islam	(898)	(217)	–	–
Pertambahan diskau Kertas Komersial Islam	2,377	58	–	–
Pendapatan daripada sekuriti hutang Islam	(190,315)	(1,072)	–	–
Pendapatan faedah	(817,651)	(854,159)	–	–
Pendapatan daripada operasi Islam	(432,348)	(574,574)	–	–
Perbelanjaan faedah	698,696	721,597	–	–
Untung yang boleh diagihkan kepada para pemegang bon Islam	569,752	529,409	–	–
Perbelanjaan yuran jaminan	206	442	–	–
Perbelanjaan yuran Wakalah	175	374	–	–
Yuran pengurusan	–	(500)	–	–
Susut nilai harta dan peralatan	1,172	1,134	–	–
Pelunasan aset tak ketara	2,364	3,223	–	–
(Untung)/rugi ke atas pelupusan harta dan peralatan	(10)	228	–	–
Untung ke atas pelupusan sekuriti				
sedia untuk dijual	(1,349)	(165)	–	–
Kerugian yang belum direalisasi atas IRS	472	846	–	–
Kerugian yang direalisasi atas nilai terlindung IRS	107	265	–	–
Peruntukan bagi kerugian penjejasan	–	65,426	–	–
Perkongsian untung dalam syarikat usaha sama	(922)	(869)	–	–
Cukai	153,980	150,050	41,116	7,500
Zakat	836	1,921	–	–
(Kerugian)/untung operasi sebelum perubahan modal kerja	(48,016)	(33,621)	164,438	30,000

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pengurangan dalam jumlah ter hutang daripada rakan niaga	332,398	5,121,561	–	–
(Pertambahan)/pengurangan hutang pembiayaan Islam	(2,275,815)	1,076,601	–	–
Pengurangan/(pertambahan) aset gadai janji	1,102,582	(2,064,779)	–	–
Pengurangan/(pertambahan) aset gadai janji Islam	465,244	(1,507,751)	–	–
Pengurangan/(pertambahan) aset sewa beli	1,949	(2,656)	–	–
Pengurangan/(pertambahan) aset sewa beli Islam	3,810	(28,158)	–	–
(Pengurangan)/pertambahan aset-aset lain	(111,045)	22,104	–	218
Pertambahan dalam jumlah ter hutang daripada anak syarikat	–	–	(133,335)	–
Pengurangan bon dan nota tidak bercagar	(1,397,301)	(1,854,358)	–	–
Pertambahan bon Islam	1,470,505	582,837	–	–
Pengurangan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman	(767,283)	(343,160)	–	–
Pengurangan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam	(546,844)	(221)	–	–
(Pertambahan)/pengurangan liabiliti-liabiliti lain	(922)	5,298	9	(218)
Pengurangan dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	–	(465,000)	–	–
Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan operasi	(1,770,738)	508,697	31,112	30,000
Pendapatan daripada aset Islam	768,592	575,049	–	–
Yuran jaminan dibayar	–	(647)	–	–
Yuran Wakalah dibayar	–	(543)	–	–
Yuran pengurusan diterima	–	750	–	–
Faedah diterima	784,033	847,940	–	–
Faedah dibayar	(712,785)	(595,117)	–	–
Untung yang boleh diagihkan kepada para pemegang bon Islam	(546,120)	(767,472)	–	–
Pembayaran zakat	(1,702)	(2,105)	–	–
Pembayaran cukai	(98,455)	(83,527)	(7,717)	(7,500)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan operasi	(1,577,175)	483,025	23,395	22,500

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 (sambungan)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
KEGIATAN PELABURAN				
Pembelian sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	(2,498,055)	(3,854,729)	–	–
Jualan sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	3,053,593	3,107,890	–	–
Pendapatan diterima daripada pelaburan sedia untuk dijual	6,413	9,740	–	–
(Pembelian)/jualan instrumen derivatif	(1,889)	8,702	–	–
Pembelian harta dan peralatan	(290)	(5,912)	–	–
Pembelian aset tak ketara	(701)	(691)	–	–
Hasil daripada pelupusan harta dan peralatan	16	38	–	–
Pendapatan diterima daripada sekuriti Islam	175	1,071	–	–
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan pelaburan	559,262	(733,883)	–	–
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pembayaran dividen	(22,500)	(22,500)	(22,500)	(22,500)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(22,500)	(22,500)	(22,500)	(22,500)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
(Pengurangan)/pertambahan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai	(1,040,413)	(273,358)	895	–
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun kewangan	1,272,923	1,546,281	6	6
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun kewangan	232,510	1,272,923	901	6
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Analisis tunai dan kesamaan tunai:				
Tunai dan dana jangka pendek	5	150,788	783,871	551
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6	81,722	489,052	350
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	232,510	1,272,923	901	6
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan pada 31 Disember 2010

1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat ini adalah pegangan pelaburan.

Anak-anak syarikat Kumpulan ini adalah Cagamas Berhad ("Cagamas") dan Cagamas MBS Berhad ("CMBS").

Kegiatan utama Cagamas adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Cagamas dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas juga memberi kemudahan kewangan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan sewa beli yang dibiayai melalui terbitan Sukuk.

Kegiatan-kegiatan utama anak syarikat lain, CMBS, adalah membeli aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan Malaysia ("GOM") dan penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") serta sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam ("IRMBS") untuk membiayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam tersebut.

Kegiatan utama anak-anak syarikat Kumpulan ini dan syarikat-syarikat tujuan khas ("SPE") ada dinyatakan di Nota 19 dan 20 kepada penyata kewangan.

Syarikat ini merupakan syarikat awam berliabiliti terhad, yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama urusan perniagaan ialah Tingkat 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Dasar-dasar perakaunan yang berikut telah digunakan secara konsisten ke atas butir-butir yang dianggap matan berkaitan dengan penyata kewangan. Dasar-dasar ini telah digunakan secara konsisten pada tahun-tahun yang dinyatakan, melainkan sekiranya dinyatakan.

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan sekiranya dinyatakan di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan ini menurut Piawaian Laporan Kewangan ("FRS"), Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata kewangan yang telah disatukan ini menggabungkan kegiatan-kegiatan berkaitan dengan operasi Islam Kumpulan ini.

Operasi Islam Kumpulan ini merujuk kepada pembelian hutang pembiayaan rumah Islam, hutang sewa beli Islam, aset gadai janji Islam dan pembiayaan peribadi Islam daripada pihak penjual yang diluluskan, penerbitan sekuriti hutang berlandaskan prinsip Syariah, serta pembelian, pelaburan dan dagangan instrumen kewangan Islam.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi peruntukan FRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritisikal yang memberi kesan kepada nilai yang dilaporkan bagi aset dan liabiliti dan nota untuk aset luar jangka dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan nilai yang dilaporkan untuk pendapatan dan perbelanjaan sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Para Pengarah juga perlu menggunakan pertimbangan dalam proses menggunakan polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat ini. Walaupun anggaran-anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah untuk kejadian dan tindakan semasa, keputusan sebenar berkemungkinan berbeza.

Bahagian-bahagian yang melibatkan darjah pertimbangan yang tinggi atau kompleks, atau bahagian-bahagian di mana anggaran dan andaian adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan di dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian Laporan Kewangan yang diterbitkan dan tafsiran yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat ini dan berkuatkuasa:

- FRS 7 "Instrumen-instrumen Kewangan: Pendedahan"
- FRS 101 yang disemak "Persembahan penyata kewangan"
- Pindaan kepada FRS 139 "Instrumen kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran"
- FRS 8 "Segmen-segmen operasi"

Penerimaan piawaian baru tidak mempunyai impak yang ketara pada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini.

(b) Piawaian, pindaan kepada piawaian Laporan Kewangan yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat ini tetapi belum lagi berkuatkuasa:

Kumpulan dan Syarikat ini akan mengguna pakai piawaian baru berikut, pindaan kepada piawaian dan tafsiran apabila berkuatkuasa;

- Pindaan kepada FRS 124 "Pendedahan pihak yang berkaitan" (berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012) menyingkirkan pengecualian terhadap pendedahan urus niaga antara entiti berkaitan kerajaan dengan kerajaan, dan semua entiti berkaitan kerajaan. Pendedahan baru berikut kini diperlukan untuk entiti berkaitan kerajaan:
 - Nama kerajaan dan kaitannya;
 - Jenis dan jumlah setiap satu urus niaga yang ketara; dan
 - Tahap urus niaga yang ketara secara kolektif, dari segi kualitatif atau kuantitatif
- Pindaan kepada FRS 7 "Instrumen-instrumen kewangan: Pendedahan" dan FRS 1 "Perlaksanaan pertama kali piawaian laporan kewangan" (berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011) memerlukan pendedahan yang dipertingkatkan bagi pengukuran nilai saksama dan risiko kecairan. Secara khususnya, pindaan tersebut memerlukan pendedahan pengukuran nilai saksama melalui tahap hirarki pengukuran nilai saksama.
- FRS 101 "Pembentangan penyata kewangan" (berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011) menjelaskan bahawa sebuah entiti akan membentangkan analisa pendapatan komprehensif lain bagi setiap komponen ekuiti, sama ada di dalam penyata perubahan ekuiti atau di dalam nota kepada penyata kewangan.

Perubahan kepada piawaian di atas akan menyebabkan pendedahan tambahan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini.

2.2 Entiti-entiti ekonomi dalam Kumpulan

(a) Anak-anak Syarikat

Penyata kewangan Kumpulan ini menggabungkan penyata kewangan Syarikat ini dan anak-anak syarikatnya. Anak-anak syarikat ialah kesemua syarikat, usahasama atau entiti-entiti lain di mana Kumpulan dan Syarikat ini mempunyai kuasa untuk mengawal polisi operasi dan kewangan untuk mendapatkan faedah daripada aktiviti mereka secara amnya apabila Kumpulan ini mempunyai lebih daripada separuh hak mengundi. Kewujudan dan kesan daripada potensi hak mengundi yang sedang digunakan atau boleh ditukar akan dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan ini mengawal sesuatu entiti.

Anak-anak syarikat disatukan menggunakan kaedah pembelian dalam perakaunan kecuali bagi penyatuhan perniagaan yang tertentu (seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3) di mana ia disatukan menggunakan kaedah penggabungan seperti berikut:

- anak-anak syarikat yang disatukan sebelum 1 April 2002 selaras dengan Piawaian Perakaunan MASB 2 – "Perakaunan bagi Pemerolehan dan Penggabungan", prinsip perakaunan yang diterima pakai pada waktu itu;

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Entiti-entiti ekonomi dalam Kumpulan (sambungan)

(a) Anak-anak Syarikat (sambungan)

- penyatu perniagaan yang dilaksanakan pada/selepas 1 April 2002 dengan tarikh perjanjian sebelum 1 Januari 2006 yang menepati syarat penggabungan seperti yang dinyatakan dalam FRS 122₂₀₀₄ "Penggabungan Perniagaan";
- penyusunan semula kumpulan dalaman, seperti yang dinyatakan dalam FRS 122₂₀₀₄, disatukan pada/selepas 1 April 2002 dengan tarikh perjanjian sebelum 1 Januari 2006 di mana:
 - pemegang-pemegang saham mutlak kekal sama, dan hak bagi setiap pemegang saham yang berkaitan antara satu sama lain tidak berubah; dan
 - saham minoriti ke atas nilai bersih aset Kumpulan ini tidak berubah akibat daripada perpindahan itu.
- penyatu perniagaan yang melibatkan entiti atau perniagaan di bawah kawalan umum dengan tarikh perjanjian pada/selepas 1 Januari 2006.

Kumpulan ini telah mengambil kesempatan daripada pengecualian yang diberikan dalam FRS 122₂₀₀₄ dan FRS 3 untuk mengaplikasikan piawaian perakaunan ini secara prospektif. Oleh kerana itu, penyatu perniagaan yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa masing-masing tidak dinyatakan semula bagi mematuhi piawaian perakaunan tersebut.

Di bawah kaedah pembelian dalam perakaunan, anak-anak syarikat disatukan secara keseluruhan dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan ini dan diasingkan dari tarikh kawalan berhenti.

Urus niaga antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak terealisasi daripada transaksi antara kumpulan akan dilupuskan. Rugi tidak terealisasi juga akan dilupuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk kepada penjejasan ke atas aset yang dipindahkan. Polisi perakaunan anak syarikat telah diubah di mana perlu bagi memastikan dasar perakaunan adalah konsisten dengan asas perakaunan yang diguna pakai oleh Kumpulan ini.

Untung atau rugi daripada pelupusan anak syarikat ialah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan aset bersih Kumpulan ini pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul bagi sebarang perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan anak syarikat tersebut dan dinyatakan dalam pernyata pendapatan yang disatukan.

(b) Syarikat usahasama ("JV")

Kepentingan Kumpulan ini di dalam JV dinyatakan di dalam pernyata kewangan disatukan melalui kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan syer Kumpulan ini di dalam JV tersebut selepas pemerolehan di dalam pernyata pendapatan dan pergerakan syer dalam rizab selepas pemerolehan.

2.3 Entiti Tujuan Khas ("SPE")

SPE perlu disatukan sekiranya terdapat hubungan antara satu entiti dengan SPE yang menunjukkan bahawa SPE dikawal oleh entiti tersebut. Dalam konteks SPE, kawalan boleh wujud apabila aktiviti-aktiviti SPE telah ditetapkan terlebih dahulu oleh satu entiti lain (beroperasi sebagai "autopilot") atau sebaliknya. Perlaksanaan konsep kawalan memerlukan pertimbangan pelbagai faktor yang relevan bagi setiap kes.

Kawalan ke atas entiti lain memerlukan keupayaan untuk mengarah atau mendominasi dalam membuat keputusan, tanpa mengambil kira sama ada kuasa tersebut benar-benar dilaksanakan. Di bawah definisi FRS 127, keupayaan untuk menguasai dalam membuat keputusan semata-mata tidak mencukupi untuk menentukan kawalan. Keupayaan untuk menguasai dalam membuat keputusan mesti disertai dengan objektif untuk mendapatkan faedah daripada aktiviti-aktiviti entiti tersebut.

Kumpulan ini tidak menyatakan BNM Sukuk dan CSME disebabkan Syarikat ini tidak mempunyai kuasa ke atas polisi kewangan dan operasi SPE ini dan ia tidak menerima faedah ekonomi daripada aktiviti mereka.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.4 Jumlah ter hutang daripada rakan niaga dan hutang pembiayaan Islam

Kegiatan utama Kumpulan ini iaitu, antara lain, membeli gadai janji konvensional dan Islam, pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, jumlah ter hutang daripada rakan niaga dan hutang pembiayaan Islam bagi pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan dinyatakan pada baki pokok belum berbayar ter hutang kepada Kumpulan ini. Pendapatan faedah atas jumlah ter hutang daripada rakan niaga diiktiraf berdasarkan asas akruan dan menurut kadar faedah masing-masing yang dikira mengikut baki pada setiap bulan.

2.5 Aset gadai janji dan aset sewa beli

Aset gadai janji dan aset sewa beli diperolehi oleh Kumpulan ini daripada pemberi pinjaman pada nilai saksamanya. Pemberi pinjaman akan bertindak sebagai penyelenggara dan membayar ansuran pokok dan faedah daripada aset tersebut kepada Kumpulan ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan seperti yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, aset gadai janji dan aset sewa beli dinyatakan pada baki pokok belum berbayar ter hutang kepada Kumpulan ini dan dilaraskan bagi diskau yang tidak terakru. Pendapatan faedah/untung adalah berdasarkan asas akruan dan dikira pada kadar faedah masing-masing mengikut asas bulanan. Diskau yang timbul daripada perbezaan antara harga belian dan nilai buku untuk aset gadai janji dan aset sewa beli yang diperolehi ditambah kepada penyata pendapatan sepanjang hayat aset tersebut menggunakan kaedah hasil efektif.

2.6 Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual (“AFS”)

Sekuriti pelaburan AFS ialah sekuriti yang diperolehi dan dipegang untuk menjana hasil atau pertumbuhan modal dan selalunya dipegang bagi tempoh masa yang tidak menentu, dan boleh dijual sebagai reaksi kepada keadaan pasaran.

Pembelian dan penjualan pelaburan diiktiraf dari tarikh Kumpulan dan Syarikat ini bersetuju untuk membeli pelaburan tersebut. Pelaburan akan dikeluarkan apabila Kumpulan dan Syarikat ini bersetuju untuk menjual pelaburan tersebut dan telah memindah milik hampir kesemua risiko dan faedah pemilikan.

Sekuriti pelaburan AFS dinyatakan pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan dengan perubahan nilai saksama terkumpul ditunjukkan dalam rizab AFS dalam ekuiti, dan dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila sekuriti pelaburan tersebut dilupuskan, dikumpul atau dijual, atau apabila sekuriti tersebut didapat terjejas. Nilai saksama bagi sekuriti pelaburan tersebut ditentukan menggunakan sebut harga pasaran indikatif atau harga pasaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Hasil atau kerugian terealisasi daripada pengeluaran sekuriti pelaburan AFS, yang dikira berdasarkan perbezaan antara perolehan yang diterima dengan nilai dibawa sekuriti tersebut ditambah dengan hasil atau kerugian belum terealisasi terkumpul yang terhasil daripada perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam ekuiti sebelumnya, akan dikreditkan atau dicaj kepada penyata pendapatan tahun semasa.

Sila rujuk pada polisi perakaunan mengenai penjejasan aset kewangan di Nota 2.9 (a) pada penyata kewangan.

Faedah daripada sekuriti pelaburan AFS dikira menurut kaedah kadar faedah efektif asas akruan. Pelunasan premium dan pertambahan diskau bagi sekuriti pelaburan AFS diiktiraf sebagai pendapatan faedah dengan menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

2.7 Pelaburan di dalam anak syarikat dan SPE

Pelaburan di dalam anak syarikat dan SPE ditunjukkan pada kos. Apabila ada petunjuk yang penjejasan wujud, nilai yang dibawa oleh pelaburan akan dinilai dan dikurangkan serta-merta kepada aman boleh pulih. Nota 2.9 kepada penyata kewangan menjelaskan polisi perakaunan Kumpulan ini mengenai penjejasan aset sementara Nota 3 memberi penjelasan mengenai andaian dan anggaran perakaunan kritikal.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.8 Harta dan kelengkapan

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul, jika ada. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan butiran tersebut.

Susut nilai dikira menurut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat guna aset tersebut dengan pengecualian kerja dalam proses yang tidak akan disusut nilai. Kadar susut nilai bagi setiap kategori harta dan kelengkapan diringkaskan seperti berikut:

Peralatan pejabat	20% – 25%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan kerja dan kelengkapan	10%

Kos-kos berikutnya dimasukkan ke dalam nilai buku aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan sekiranya terdapat kemungkinan bahawa manfaat faedah ekonomi akan datang yang berkaitan dengan butiran tersebut akan mengalir kepada Kumpulan ini dan kos butiran tersebut dapat diukur dengan munasabah. Amaun bagi bahagian yang diganti dikeluarkan daripada aset tersebut. Pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diambil kira dalam penyata pendapatan pada sepanjang tempoh kewangan ia berlaku.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan ini menilai sama ada terdapat petunjuk wujudnya penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dilakukan untuk menilai sama ada nilai buku sesuatu aset dapat diperoleh sepenuhnya. Penurunan nilai akan dibuat sekiranya nilai buku melebihi amaun yang dapat diperoleh semula. Nota 2.9 (b) kepada penyata kewangan menjelaskan polisi perakaunan Kumpulan ini mengenai penjejasan aset bukan kewangan.

Hasil dan kerugian daripada pelupusan akan ditentukan dengan membandingkan nilai perolehan dengan nilai buku dan ia diambil kira dalam untung sebelum cukai dan zakat.

2.9 Penjejasan aset

(a) Aset kewangan

(i) Aset dibawa pada kos terlunas

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan ini akan menilai sama ada terdapat bukti nyata wujudnya penjejasan aset. Apabila aset terjejas dan kerugian penjejasan berlaku, dan jika terdapat bukti nyata penjejasan berlaku akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang terjadi selepas pengiktirafan permulaan aset tersebut (peristiwa kerugian) dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan kepada anggaran aliran tunai masa hadapan aset berkenaan yang dipercayai boleh dianggarkan.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara nilai buku aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Nilai buku aset tersebut dikurangkan menggunakan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diambil kira dalam penyata pendapatan.

Sekiranya dalam tempoh yang berikut, jumlah kerugian akibat penjejasan menurun dan penurunan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan kejadian yang berlaku selepas penjejasan diambil kira (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), kerugian penjejasan yang telah diambil kira sebelum itu dibalikkan dengan melaraskan akaun peruntukan. Jumlah yang dibalikkan itu akan diambil kira dalam penyata pendapatan.

(ii) Aset diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual (“AFS”)

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan ini akan menilai sama ada terdapat bukti nyata wujudnya penjejasan suatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan. Jika terdapat bukti kejejasan, kerugian terkumpul, yang diukur melalui perbezaan kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak kerugian atas kejejasan terhadap aset kewangan yang telah diiktiraf dahulu, dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Jika dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai sekuriti AFS meningkat dan peningkatan ini boleh dikaitkan secara objektifnya dengan kejadian selepas kerugian atas kejejasan yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kerugian ke atas kejejasan tersebut akan dikeluarkan melalui penyata pendapatan.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.9 Penjejasan aset (sambungan)

(b) Aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat guna yang berpanjangan tidak dilunaskan dan akan dinilai setiap tahun untuk penjejasan. Aset yang dilunaskan dinilai untuk penjejasan apabila berlakunya peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai buku tidak mungkin boleh pulih. Kerugian penjejasan diiktiraf apabila nilai buku untuk aset berkenaan melebihi amaun boleh pulihnya. Amaun boleh pulih adalah nilai saksama aset ditolak kos untuk penjualan dan nilai yang digunakan, mana-mana yang lebih tinggi. Kerugian penjejasan diambil kira di dalam penyata pendapatan, melainkan ia dibalikkan dalam penilaian semula yang terdahulu yang telah diambil dalam lebihan penilaian semula. Sebarang jumlah kenaikan boleh pulih selepas itu diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

2.10 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan faedah dan pendapatan daripada aset Islam dikira menurut asas akruan. Pertambahan diskaun dinyatakan dengan menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

2.11 Premium dan diskaun ke atas bon pembawa tidak bercagar

Premium ke atas bon pembawa tidak bercagar merupakan lebihan harga terbitan daripada nilai penebusan bon berkenaan dan ditambah kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut dengan menggunakan kaedah kadar hasil efektif. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon berkenaan, perbezaan berkenaan, iaitu diskaun, akan dilunaskan kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut dengan menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

2.12 Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai pada kadar semasa berdasarkan untung kena cukai yang diperoleh pada tahun kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara iaitu perbezaan di antara asas cukai dan liabiliti dan nilai buku di dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap sekiranya untung boleh cukai pada masa hadapan berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara atau kerugian cukai belum guna kini boleh digunakan. Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam anak syarikat kecuali di mana waktu penarikbalikkan perbezaan sementara dapat dikawal dan terdapat kemungkinan perbezaan sementara tersebut tidak akan dibalikkan pada masa hadapan.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangkakan akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda selesai.

2.13 Tunai dan kesamaan tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai merangkumi wang tunai dan baki di dalam bank dan deposit-deposit yang sedia diubah kepada tunai yang boleh ditentukan jumlahnya dan tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

2.14 Instrumen kewangan berimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan nilai bersihnya dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak kuat kuasa undang-undang untuk menolak selesai nilai yang telah dikenal pasti dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau mengiktiraf aset dan menyelesaikan liabiliti tersebut pada masa yang sama.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.15 Laporan segmen

Laporan segmen dilaporkan dalam bentuk yang konsisten dengan laporan dalaman yang digunakan oleh ketua operasi yang membuat keputusan. Ketua operasi yang membuat keputusan adalah orang atau kumpulan yang mengagihkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi Kumpulan ini. Kumpulan ini telah menetapkan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat untuk menjadi ketua operasi yang membuat keputusan.

2.16 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindungan

Swap kadar faedah ("IRS") digunakan oleh Kumpulan ini bagi melindung nilai terbitan sekuriti hutang daripada potensi pergerakan dalam kadar faedah. Butiran lanjut mengenai IRS dinyatakan di dalam Nota 7 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama IRS diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan pada tarikh ia diwujudkan dan sebarang perubahan berikutnya dalam nilai saksama akibat daripada turun naik kadar faedah pasaran direkodkan sebagai aset derivatif (disenangi) atau liabiliti derivatif (tidak disenangi).

Bagi derivatif yang bukannya instrumen lindung nilai, kerugian atau hasil daripada perubahan di dalam nilai saksama akan diambil kira dalam penyata pendapatan.

Bagi derivatif yang dikenal pasti sebagai instrumen lindung nilai, kaedah mengiktiraf nilai saksama hasil kerugian bergantung kepada jenis lindung nilai.

Untuk mengguna pakai perakaunan lindung nilai, Kumpulan ini mendokumentkan pada tarikh ia diwujudkan, perhubungan antara instrumen lindung nilai dan butiran lindung nilai, termasuk objektif pengurusan risiko bagi melakukan pelbagai transaksi lindung nilai dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk menilai keberkesanan lindung nilai tersebut.

Kumpulan ini juga mendokumentkan penilaian pada tarikh lindung nilai itu diwujudkan dan pada dasar berterusan, sama ada derivatif tersebut adalah sangat efektif dalam mengimbangi perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai bagi item-item yang dilindung nilai.

Lindung nilai aliran tunai

Bahagian yang efektif dalam perubahan nilai saksama bagi derivatif yang telah ditentukan dan layak sebagai pelindung nilai bagi aliran tunai masa hadapan diiktiraf secara langsung ke dalam rizab lindung nilai aliran tunai, dan akan dibawa ke penyata pendapatan di dalam tempoh di mana item lindung nilai tersebut memberi kesan kepada untung atau rugi. Bahagian yang tidak efektif daripada untung atau rugi diiktiraf serta merta di dalam penyata pendapatan di bawah "yuran perolehan bersih".

Apabila instrumen lindung nilai telah tamat tempoh atau dijual, atau sesuatu lindungan tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindungan, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang wujud di dalam rizab lindung nilai aliran tunai akan kekal sehingga transaksi ramalan akhirnya dinyatakan di dalam penyata kewangan. Apabila sesuatu urus niaga ramalan tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul di dalam rizab lindung nilai aliran tunai diiktiraf serta merta ke dalam penyata pendapatan.

2.17 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat ini mempunyai kewajipan undang-undang atau konstruktif akibat daripada peristiwa-peristiwa lepas dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan juga anggaran yang boleh dipercayai dapat dibuat ke atas jumlah kewajipan tersebut. Apabila Kumpulan dan Syarikat ini menjangkakan peruntukan perlu dibayar balik (contohnya di bawah kontrak insurans), pembayaran balik dikira sebagai aset berasingan tetapi hanya setelah pembayaran semula itu dapat dipastikan. Peruntukan tidak diambil kira untuk kerugian operasi masa hadapan.

Apabila terdapat beberapa kewajipan yang serupa, kebarangkalian sesuatu aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian yang ditentukan dengan mengambil kira kelas kewajipan secara keseluruhannya. Peruntukan diambil kira walaupun kebarangkalian aliran keluar bagi sesuatu butiran yang termasuk dalam kelas kewajipan yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada sesuatu kewajipan. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh perjalanan masa dikira sebagai perbelanjaan faedah.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.18 Zakat

Zakat adalah wajib ke atas semua orang Islam yang pemilikannya mencapai tahap nisab minima.

Kumpulan dan Syarikat ini sedar akan tanggungjawabnya membayar zakat peniagaan. Zakat dalam tahun semasa diambil kira apabila Kumpulan dan Syarikat ini mempunyai tanggungan selepas keputusan penaksiran zakat dibuat. Jumlah perbelanjaan zakat akan ditaksir apabila Kumpulan dan Syarikat ini telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 12 bulan, iaitu jangka masa yang dikenali sebagai haul.

Kadar zakat yang telah digubal atau yang baru digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan digunakan untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat ke atas perniagaan, yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan untuk tahun kewangan ini adalah sebanyak 2.5% (2009: 2.5%) daripada asas zakat. Asas zakat Kumpulan ini ditentukan berdasarkan kepada keuntungan selepas cukai bagi setiap syarikat dalam Kumpulan ini selepas ditolak pendapatan dividen dan sesetengah pendapatan bukan operasi dan perbelanjaan. Zakat ke atas perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat yang ditaksir akan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia berlaku.

2.19 Manfaat pekerja

(a) Manfaat jangka pendek pekerja

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan manfaat bukan monetari diakru dalam tempoh tahun kewangan yang dikaitkan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan ini.

(b) Pelan caruman nasional

Kumpulan ini mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), iaitu pelan caruman nasional. Sumbangan kepada KWSP tersebut diambil kira dalam penyata pendapatan pada tahun yang berkaitan. Apabila caruman dibuat, Kumpulan ini tidak lagi mempunyai kewajipan membuat pembayaran pada masa hadapan. Caruman terdahulu direkodkan sebagai aset sehingga pulangan balik tunai atau pengurangan dalam bayaran masa depan boleh didapat.

2.20 Aset tak ketara

(a) Perisian komputer

Perisian komputer dan lesen perisian komputer yang dimiliki dimodalkan berdasarkan kos yang terlibat untuk memperoleh dan menggunakan perisian tersebut. Kos-kos tersebut dilunaskan sepanjang anggaran tempoh jangka hayatnya (tiga hingga lima tahun).

Kos-kos untuk membangun atau menyelenggarakan program perisian komputer diambil kira sebagai kos apabila ia berlaku. Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti dan unik yang dikawal oleh Kumpulan ini serta mungkin boleh menghasilkan faedah ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dari satu tahun, diambil kira sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuklah kos pekerja yang wujud untuk membangunkan perisian dan bahagian overhead berkaitan yang bersesuaian.

Kos membangunkan perisian komputer diambil kira sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggaran jangka hayat yang tidak melebihi 3 tahun.

(b) Hak perkhidmatan bagi yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir

Hak perkhidmatan bagi yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir ("Hak Perkhidmatan") merupakan hak terjamin untuk menerima faedah ekonomi pada masa hadapan melalui yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir untuk terbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam ("IRMBS")

Hak perkhidmatan diambil kira sebagai aset tak ketara pada kos dan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh RMBS dan IRMBS.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.20 Aset tak ketara (sambungan)

Perisian komputer dan hak perkhidmatan diuji setiap tahun untuk memastikan sama ada penjejasan wujud. Sekiranya terdapat tanda-tanda penjejasan, analisa akan dibuat untuk mentaksir sama ada nilai buku aset tersebut boleh pulih sepenuhnya. Penurunan nilai akan dibuat sekiranya nilai buku melebihi amaun boleh pulih. Perisian komputer dan hak perkhidmatan dinyatakan pada nilai kos ditolak perlunasan terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Sila rujuk kepada polisi perakaunan mengenai penjejasan aset bukan kewangan pada Nota 2.9 (b) dalam nota kepada penyata kewangan.

2.21 Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman (“RMBS”) dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam (“IRMBS”)

RMBS dan IRMBS diterbitkan untuk membiayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada GOM. Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, RMBS dan IRMBS telah dinyatakan pada kos dilunaskan.

Perbelanjaan faedah terhadap RMBS dan untung yang boleh diagihkan terhadap IRMBS diiktiraf mengikut kadar hasil efektif.

2.22 Modal syer

(a) Pengklasifikasi

Syer biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Syer-syer lain diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut asas ekonomi instrumen tersebut.

Pengagihan kepada para pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti diambil kira secara langsung dalam ekuiti.

(b) Dividen kepada para pemegang syer Syarikat

Dividen ke atas syer biasa diambil kira sebagai liabiliti apabila diisyiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadangkan atau diisyiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan tetapi sebelum penyata kewangan diterbitkan, tidak diambil kira sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan. Dividen akan diambil kira sebagai liabiliti pada tarikh dividen sepatutnya dibayar.

2.23 Fungsian dan penyataan mata wang

Item-item yang dimasukkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini diukur dengan menggunakan mata wang daripada persekitaran ekonomi prima di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian").

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia yang merupakan mata wang fungsian dan penerimaan Kumpulan dan Syarikat ini.

2.24 Instrumen kewangan

(a) Penerangan

Instrumen kewangan ialah kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi entiti lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berbentuk tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti-entiti yang lain, hak kontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan entiti yang lain di bawah syarat-syarat yang disenangi atau instrumen ekuiti entiti yang lain.

Liabiliti kewangan adalah liabiliti yang merujuk kepada obligasi kontraktual untuk memberi tunai atau aset kewangan lain kepada satu entiti yang lain, atau menukarkan instrumen kewangan dengan entiti lain di bawah syarat-syarat yang mungkin tidak disenangi.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.24 Instrumen kewangan (sambungan)

(b) Anggaran nilai saksama

Nilai saksama sekuriti dan derivatif yang didagangkan secara awam adalah berdasarkan harga sebutan pasaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Dalam mentaksir nilai saksama instrumen kewangan yang lain, Kumpulan ini menggunakan pelbagai kaedah dan andaian berdasarkan keadaan pasaran sedia ada pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan. Sebut harga pasaran atau sebut harga peniaga untuk instrumen tertentu atau serupa digunakan untuk hutang jangka panjang. Teknik lain seperti model penentuan harga opsyen dan anggaran nilai terdiskaun bagi aliran tunai masa hadapan digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan yang selebihnya. Nilai saksama bagi liabiliti kewangan dianggarkan dengan pendiskaunan aliran tunai berkontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa yang tersedia kepada Kumpulan ini bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai muka aset kewangan (ditolak anggaran pelarasan kredit) dan liabiliti kewangan dengan tempoh matang yang kurang dari satu tahun diandaikan pada nilai saksama masing-masing.

2.25 Aset dan liabiliti luar jangka

Kumpulan dan Syarikat ini tidak mengambil kira liabiliti luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah kemungkinan wujudnya tanggungan hasil daripada peristiwa lalu di mana kewujudannya akan disahkan apabila terjadi atau tidak sesuatu kejadian dari satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti berlaku di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat ini atau tanggungan semasa yang tidak diambil kira disebabkan tidak memungkinkan wujudnya aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan untuk melangsangkan tanggungan. Liabiliti luar jangka juga wujud dalam kes yang jarang-jarang sekali berlaku di mana ianya tidak diambil kira kerana tidak boleh diukur dengan sempurna.

Aset luar jangka merujuk kepada kemungkinan wujudnya aset hasil daripada peristiwa lalu di mana kewujudannya akan disahkan apabila terjadi atau tidak sesuatu kejadian dari satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang berlaku di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat ini. Kumpulan dan Syarikat ini tidak mengambil kira aset luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya apabila terdapat kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, walaupun tidak pasti.

3 ANDAIAN DAN ANGGRAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Penyediaan penyata kewangan mengikut keperluan FRS memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran perakaunan yang kritikal dan membuat pertimbangan semasa menggunakan polisi perakaunan untuk Kumpulan ini.

Anggaran dan pertimbangan akan dinilai secara berterusan dan berdasarkan kepada pengalaman lampau dan lain-lain faktor, termasuk jangkaan kejadian di masa depan yang dipercayai akan berlaku secara munasabah dalam keadaan tertentu. Secara definisi, anggaran perakaunan adalah berbeza daripada keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan penyelaras matan kepada nilai buku aset dan liabiliti dalam tempoh tahun kewangan seterusnya ada diterangkan di bawah.

(a) Nilai saksama bagi derivatif dan sekuriti pelaburan AFS

Anggaran dan andaian dianggap berkemungkinan besar akan mendatangkan impak terhadap kedudukan dan keputusan kewangan Kumpulan ini yang berkaitan dengan nilai saksama derivatif dan sekuriti pelaburan AFS yang tidak tersenarai di mana model penilaian digunakan. Kumpulan ini telah membuat pertimbangan untuk memilih teknik penilaian yang sesuai dengan instrumen tersebut. Walau bagaimanapun, perubahan dalam andaian dan faktor pasaran yang digunakan mungkin mendatangkan kesan kepada nilai saksama yang dilaporkan.

3 ANDAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(b) Penjejasan aset gadai janji dan aset sewa beli

Kumpulan ini membuat peruntukan bagi kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji dan aset sewa beli berdasarkan kepada penaksiran kebolehpulihan. Sementara pihak pengurusan berpandukan kepada keperluan FRS 139, pihak pengurusan juga membuat pertimbangan ke atas masa depan dan lain-lain faktor utama berkaitan dengan pemulihian aset-aset tersebut. Antara faktor-faktor yang dipertimbangkan adalah nilai bersih terealisasi terhadap nilai cagaran aset yang berkaitan dan kemampuan untuk menjana aliran tunai yang mencukupi untuk membayar aset-aset tersebut.

(c) Pensekuritian dan SPE

Kumpulan ini menubuhkan SPEnya untuk melaksanakan urus niaga pensekuritian aset. Kumpulan ini tidak menggabungkan SPE yang bukan di bawah kawalannya. Kadang-kala adalah sukar untuk menentukan sama ada Kumpulan ini mengawal sesebuah SPE. Kumpulan ini membuat pertimbangan terhadap pendedahannya kepada risiko dan ganjaran, serta keupayaan Kumpulan ini untuk membuat sesuatu keputusan berhubung operasi dan kewangan sesebuah SPE. Dalam pelbagai keadaan, elemen yang wujud jika dinilai secara berasingan, menunjukkan kawalan atau tiada kawalan terhadap SPE, tetapi apabila dinilai secara bersama, sukar untuk membuat keputusan yang jelas. Apabila membuat penilaian sama ada Kumpulan ini perlu menggabungkan sesebuah SPE, Kumpulan ini mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk sama ada:

- (i) Kumpulan ini akan mendapat manfaat majoriti daripada aktiviti perniagaan sebuah SPE;
- (ii) Kumpulan ini memperolehi majoriti baki risiko pemilikan berkaitan dengan aset untuk mendapat manfaat daripada aktiviti SPE;
- (iii) Kumpulan ini mempunyai kuasa untuk membuat keputusan untuk mendapatkan majoriti dari manfaat; atau
- (iv) Aktiviti perniagaan SPE diuruskan bagi pihak Kumpulan ini menurut keperluan spesifik perniagaan Kumpulan ini supaya Kumpulan ini mendapat manfaat daripada operasi SPE berkenaan.

Kumpulan ini menggabungkan sebuah SPE sekiranya taksiran faktor-faktor yang berkaitan menunjukkan bahawa Kumpulan ini mempunyai kawalan terhadap SPE tersebut.

(d) Yuran bonus budi bicara

Yuran bonus budi bicara yang akan dibayar kepada GOM ditentukan oleh CMBS dengan merujuk kepada garis panduan, kriteria dan petunjuk prestasi yang dianggap bersesuaian oleh CMBS. Ini adalah berdasarkan kepada prestasi GOM dalam melaksanakan tanggungjawab penyelenggaraannya sehingga RMBS/IRMBS ditebus sepenuhnya dan segala tanggungan serta liabiliti CMBS yang berkaitan dengan RMBS/IRMBS berkenaan telah dilupuskan.

4 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko merupakan suatu bahagian penting dalam operasi dan perniagaan Kumpulan ini. Pengurusan risiko ini meliputi mengenalpasti, mengukur, menganalisa, mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko-risiko terhadap perusahaan secara menyeluruh.

Sejak kebelakangan ini, Kumpulan ini telah mempercumaskan pengurusan risiko selaras dengan aktiviti-aktiviti perniagaan dan meningkatkan kawalan-kawalan utama untuk memastikan keberkesanan pengurusan risiko serta bebas daripada aktiviti-aktiviti pengambilan risiko.

Kumpulan ini akan terus membangunkan sumber insan, mengkaji semula proses sedia ada dan memperkenalkan pendekatan baru yang selaras dengan amalan pengurusan risiko yang terbaik. Matlamat utama Kumpulan ini adalah untuk mewujudkan kesedaran risiko yang tinggi di kalangan kakitangan barisan hadapan dan belakang, di mana risiko diurus dengan sistematik dan tahap pengambilan risiko adalah hampir selaras dengan kesediaan risiko dan ganjaran risiko yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Pengarah.

4 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

4.1 Struktur Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya terdapat pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Kumpulan ini. Lembaga Pengarah menetapkan kesediaan terhadap risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan objektif perniagaan keseluruhan dan profil risiko yang dikehendaki Kumpulan ini. Lembaga Pengarah juga menyemak dan meluluskan kesemua dasar polisi pengurusan risiko dan pendedahan terhadap risiko yang ketara.

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk memastikan terdapatnya pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar, tatacara dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Kumpulan ini.

Pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapatnya tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko.

Jabatan Pengurusan Risiko adalah bebas daripada lain-lain jabatan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengambilan risiko. Jabatan ini bertanggungjawab untuk melaporkan pendedahan risiko dengan bebas dan menyelaraskan pengurusan risiko terhadap perusahaan secara menyeluruh.

4.2 Pengurusan risiko kredit

Risiko kredit ialah kebarangkalian seseorang pelanggan atau rakan niaga gagal memenuhi kewajipan kewangannya apabila tiba masanya. Risiko kredit terbentuk dalam penyata kedudukan kewangan seperti pinjaman dan pelaburan, dan luar penyata kedudukan kewangan seperti jaminan dan aktiviti perlindungan nilai perbandaraan.

Kumpulan ini menguruskan risiko kreditnya dengan menapis peminjam dan rakan niaga, menetapkan kriteria kelayakan yang berhemat dan menjalankan penafsiran nilai ke atas pinjaman yang akan dibeli. Kumpulan ini mempunyai sistem penarafan dalaman yang menentukan had kredit maksimum yang dibenarkan untuk setiap kategori penarafan. Had kredit ini dikaji semula secara berkala dan ditentukan berdasarkan kombinasi penarafan luar, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Kesemua pendedahan kredit dipantau secara kerap dan sebarang ketakpatuhan akan dilaporkan secara bebas kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk pemulihan segera.

Risiko kredit turut dikurangkan melalui aset dasar, terdiri daripada aset gadai janji dan aset sewa beli.

4.3 Pengurusan risiko pasaran

Risiko pasaran adalah potensi kerugian yang timbul akibat perubahan harga dan kadar pasaran. Pendedahan Kumpulan ini terhadap risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah memandangkan Kumpulan ini tidak terlibat dalam sebarang aktiviti ekuiti, tukaran wang asing atau perdagangan komoditi.

Kumpulan ini mengawal pendedahan risiko pasarannya dengan mengenakan had ambang. Had ini ditetapkan berdasarkan kesediaan Kumpulan ini terhadap risiko dan hubungan ganjaran risiko. Had ini akan dikaji semula dan diawasi secara kerap. Kumpulan ini mempunyai Sistem Pengurusan Aset dan Liabiliti yang menyediakan kemudahan seperti analisis jurang durasi, analisis kepekaan faedah dan simulasi pendapatan yang digunakan untuk mengawal selia risiko kadar faedah.

Instrumen derivatif seperti IRS juga digunakan untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasaran terhadap perubahan kadar faedah.

4.4 Pengurusan risiko kecairan

Risiko kecairan timbul apabila Kumpulan dan Syarikat ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila ia matang.

4 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

4.4 Pengurusan risiko kecairan (sambungan)

Kumpulan ini mengurangkan risiko kecairannya dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang atau Sukuk. Kumpulan ini merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan terdapatnya dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan sepanjang masa. Di samping itu, Kumpulan ini memperuntukkan rizab kecairan yang berpatutan bagi menghadapi pengurangan aliran tunai di luar jangkaan atau keadaan ekonomi yang buruk dalam pasaran kewangan.

Proses pengurusan kecairan Kumpulan ini yang dilaksanakan dalam anak syarikat dan dikawal selia oleh jabatan berkenaan, termasuklah;

- (a) Menguruskan ketidakpadanan aliran tunai dan had jarak kecairan yang melibatkan penilaian atas semua aliran masuk tunai Kumpulan ini berbanding aliran keluar tunainya untuk mengenalpasti sama ada terdapat potensi kekurangan tunai bersih dan keupayaan Kumpulan ini untuk memenuhi semua obligasi tunai apabila tiba masanya;
- (b) Memadankan pembiayaan pembelian hutang berbanding aliran tunai yang dijangka, tempoh dan jenis pembiayaan;
- (c) Mengawal selia nisbah kecairan Kumpulan ini berbanding keperluan dalamannya; dan
- (d) Menguruskan tumpuan dan profil pembiayaan dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan.

5 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Tunai dan baki di bank dan institusi kewangan lain	295	379	15	6
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan	117,118	605,929	536	–
Wang panggilan Mudharabah dan deposit matang dalam tempoh sebulan	33,375	177,563	–	–
	<hr/> 150,788	<hr/> 783,871	<hr/> 551	<hr/> 6

6 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

Bank berlesen	81,722	489,052	350	–
---------------	--------	---------	-----	---

7 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF

Swap kadar faedah ("IRS") digunakan sebagai alat perlindungan nilai untuk menyokong terbitan bon berkadar tetap untuk membayai pembelian pinjaman gadai janji pada kadar terapung. Dengan mengikat kontrak IRS, Kumpulan ini dilindungi daripada pergerakan kadar faedah kerana Kumpulan ini membayar kadar terapung yang diterima daripada pembelian pada kadar terapung tersebut dan menerima bayaran berkadar tetap daripada rakan niaga swap. Bayaran berkadar tetap ini akan digunakan untuk membayar faedah ke atas bon berkadar tetap yang diterbitkan.

7 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

IRS juga telah digunakan oleh Kumpulan ini untuk melindung nilai terbitan sekuriti hutang dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat. Pada bahagian pertama urus niaga, Kumpulan ini membayar faedah pada kadar tetap dan menerima bayaran pada kadar terapung daripada rakan niaga swap. Semasa sekuriti hutang diterbitkan, Kumpulan ini akan mengungkai urus niaga IRS tersebut dengan mengambil kedudukan yang berlawanan untuk jumlah yang sama seperti pada bahagian pertama urus niaga berkenaan. IRS melindungi Kumpulan ini dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat memandangkan Kumpulan ini akan menerima kadar faedah tetap yang lebih tinggi berbanding dengan kadar faedah tetap yang perlu dibayar oleh Kumpulan ini kepada pemegang bon.

Tujuan penggunaan mana-mana instrumen derivatif adalah untuk memastikan risiko dan profil ganjaran bagi setiap urus niaga dioptimumkan. Tujuannya adalah untuk menggunakan derivatif untuk membuka lindungan nilai yang efektif dari segi ekonominya. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa keperluan FRS 139 untuk mendapatkan perakaunan lindung nilai, tidak semua pelindung nilai ekonomi dikira sebagai perakaunan lindung nilai, sama ada disebabkan penghapusan perakaunan secara semula jadi yang dijangkakan atau kerana untuk mendapatkan perakaunan lindung nilai adalah amat merumitkan.

(a) Lindung nilai aliran tunai

Kumpulan ini telah menetapkan beberapa IRS sebagai lindung nilai aliran tunai pada tahun kewangan. Jumlah nilai saksama atas derivatif yang termasuk dalam lindung nilai aliran tunai pada 31 Disember 2010 berjumlah kredit sebanyak RM44.0 juta (2009: RM42.4 juta).

(b) Lindung nilai bagi nilai saksama

Buat masa ini, Kumpulan ini belum menetapkan sebarang derivatif sebagai "lindung nilai bagi nilai saksama".

(c) Lindung nilai pelaburan bersih

Buat masa ini, Kumpulan ini tidak menetapkan sebarang derivatif sebagai lindung nilai pelaburan bersih.

Semua instrumen kewangan derivatif dipegang untuk lindung nilai ekonomi sahaja. Walau bagaimanapun, tidak semua derivatif ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai di bawah terma-terma FRS 139. Analisis di bawah mengkategorikan derivatif yang berkaitan dengan perakaunan lindung nilai dan yang tidak berkaitan dengan perakaunan lindung nilai.

	2010		2009	
	Kontrak/jumlah nosisional RM'000	Nilai saksama Aset RM'000	Kontrak/jumlah nosisional RM'000	Nilai saksama Aset RM'000
Derivatif yang berkaitan dengan perakaunan lindung nilai				
Derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai:				
IRS	570,000	–	(44,018)	720,000
				–
				(42,371)
Derivatif yang tidak berkaitan dengan perakaunan lindung nilai				
Derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai:				
IRS	320,000	2,848	(2,795)	760,000
				10,725
				(10,136)
Jumlah derivatif aset/(liabiliti) yang diiktiraf	890,000	2,848	(46,813)	1,480,000
				10,725
				(52,507)

7 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

Baki tempoh dan amaun pokok nosional bagi IRS tertunggak untuk Kumpulan ini pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah:

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Matang dalam tempoh setahun	455,000	590,000
Setahun hingga tiga tahun	25,000	480,000
Melebihi lima tahun	410,000	410,000
	<hr/>	<hr/>
	890,000	1,480,000

8 SEKURITI PELABURAN SEDIA UNTUK DIJUAL (“AFS”)

Pada nilai saksama:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	291,782	123,840
Bon Khazanah	–	35,346
Sekuriti hutang swasta	341,623	512,028
Terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia	214,154	51,386
Nota instrumen boleh runding BNM	69,216	–
Sekuriti hutang Islam	415,537	694,322
Deposit-deposit instrumen boleh runding	100,387	620,636
Bil Perpendaharaan Malaysia	6,929	–
Bil Perpendaharaan Islam Malaysia	7,505	–
Deposit instrumen boleh runding Islam	42,461	622
	<hr/>	<hr/>
	1,489,594	2,038,180

Struktur kematangan sekuriti pelaburan AFS adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	443,119	1,438,869
Setahun hingga tiga tahun	890,151	323,255
Tiga tahun hingga lima tahun	156,324	220,518
Lebih daripada lima tahun	–	55,538
	<hr/>	<hr/>
	1,489,594	2,038,180

9 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA RAKAN NIAGA

Berkaitan dengan:		
Pinjaman gadai janji	3,887,937	3,854,100
Hutang sewa beli dan pemajakan	437,173	803,407
	<hr/>	<hr/>
	4,325,110	4,657,507

Struktur kematangan jumlah terhutang dari rakan niaga adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	1,210,727	1,292,954
Setahun hingga tiga tahun	1,592,354	1,801,377
Tiga tahun hingga lima tahun	1,522,029	1,563,176
	<hr/>	<hr/>
	4,325,110	4,657,507

10 HUTANG PEMBIAYAAN ISLAM

	Kumpulan	2010	2009
	RM'000	RM'000	RM'000
Hutang pembiayaan perumahan Islam	553,644	1,845,048	
Hutang sewa beli Islam	2,587,283	1,684,150	
Pembiayaan peribadi Islam	3,713,420	1,049,334	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	6,854,347	4,578,532	

Struktur kematangan hutang pembiayaan Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	702,765	1,833,335
Setahun hingga tiga tahun	1,284,009	1,242,856
Tiga tahun hingga lima tahun	3,567,540	1,502,341
Lebih daripada lima tahun	1,300,033	-
	<hr/>	<hr/>
	6,854,347	4,578,532

11 ASET GADAI JANJI KONVENTIONAL

Aset gadai janji konvensional:			
Pembelian tanpa rekursa ("PWOR")	11,384,572	12,187,286	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Struktur kematangan aset gadai janji konvensional adalah seperti berikut:			
Matang dalam tempoh setahun	1,613,063	1,354,388	
Setahun hingga tiga tahun	2,188,906	2,210,495	
Tiga tahun hingga lima tahun	1,909,785	1,976,903	
Lebih daripada lima tahun	8,319,443	9,333,203	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	14,031,197	14,874,989	
Tolak: Diskaun belum tambah	(2,580,691)	(2,621,769)	
Peruntukan bagi kerugian penjejasan aset	(65,934)	(65,934)	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	11,384,572	12,187,286	

12 ASET GADAI JANJI ISLAM

Aset gadai janji Islam:			
Pembelian tanpa rekursa ("PWOR")	7,696,191	7,973,299	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Struktur kematangan aset gadai janji Islam adalah seperti berikut:			
Matang dalam tempoh setahun	848,709	643,227	
Setahun hingga tiga tahun	1,153,802	1,111,028	
Tiga tahun hingga lima tahun	1,119,160	1,097,639	
Lebih daripada lima tahun	6,282,631	6,875,140	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	9,404,302	9,727,034	
Tolak: Diskaun belum tambah	(1,664,868)	(1,710,492)	
Peruntukan bagi kerugian penjejasan aset	(43,243)	(43,243)	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	7,696,191	7,973,299	

13 ASET SEWA BELI KONVENTSIONAL

	Kumpulan	2010	2009
	RM'000	RM'000	
Aset sewa beli konvensional:			
Pembelian tanpa rekursa ("PWOR")	761	2,675	
Struktur kematangan aset sewa beli konvensional adalah seperti berikut:			
Matang dalam tempoh setahun	740	1,803	
Setahun hingga tiga tahun	48	926	
	<hr/>	<hr/>	
	788	2,729	
Tolak: Diskaun belum tambah	(11)	(38)	
Peruntukan bagi kerugian penjejasan aset	(16)	(16)	
	<hr/>	<hr/>	
	761	2,675	
	<hr/>	<hr/>	

14 ASET SEWA BELI ISLAM

Aset sewa beli Islam:			
Pembelian tanpa rekursa ("PWOR")	25,463	28,375	
Struktur kematangan aset sewa beli Islam adalah seperti berikut:			
Matang dalam tempoh setahun	7,614	8,803	
Setahun hingga tiga tahun	14,039	13,982	
Tiga tahun hingga lima tahun	5,068	7,365	
Lebih daripada lima tahun	148	554	
	<hr/>	<hr/>	
	26,869	30,704	
Tolak: Diskaun belum tambah	(1,230)	(2,153)	
Peruntukan bagi kerugian penjejasan aset	(176)	(176)	
	<hr/>	<hr/>	
	25,463	28,375	
	<hr/>	<hr/>	

15 ASET-ASET LAIN

Pembelian balik aset gadai janji	36,504	43,156	
Pinjaman dan pembiayaan kakitangan	4,327	4,532	
Deposit	737	932	
Bayaran terdahulu	1,024	1,243	
Yuran jaminan gadai janji bayar terdahulu	16	205	
Yuran Wakalah bayar terdahulu	30	168	
Lain-lain aset belum terima	241	238	
	<hr/>	<hr/>	
	42,879	50,474	
	<hr/>	<hr/>	

16 HARTA DAN KELENGKAPAN

	Peralatan pejabat RM'000	Peralatan dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja dalam perlaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan 2010 Kos					
Pada 1 Januari 2010	4,141	4,502	617	4	9,264
Pertambahan	245	45	—	—	290
Pelupusan	(24)	—	—	—	(24)
Pengelasan semula	—	4	—	(4)	—
Pada 31 Disember 2010	4,362	4,551	617	—	9,530
Susut Nilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2010	(2,153)	(385)	(473)	—	(3,011)
Caj pada tahun semasa	(631)	(450)	(91)	—	(1,172)
Pelupusan	16	—	—	—	16
Pada 31 Disember 2010	(2,768)	(835)	(564)	—	(4,167)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	1,594	3,716	53	—	5,363
2009 Kos					
Pada 1 Januari 2009	3,679	930	722	4	5,335
Pertambahan	1,561	4,351	—	—	5,912
Pelupusan	(1,099)	(779)	(105)	—	(1,983)
Pada 31 Disember 2009	4,141	4,502	617	4	9,264
Susut Nilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2009	(2,549)	(573)	(472)	—	(3,594)
Caj pada tahun semasa	(690)	(338)	(106)	—	(1,134)
Pelupusan	1,086	526	105	—	1,717
Pada 31 Disember 2009	(2,153)	(385)	(473)	—	(3,011)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	1,988	4,117	144	4	6,253

17 ASET TAK KETARA

	Hak perkhidmatan RM'000	Perisian komputer RM'000	Lesen RM'000	Perisian komputer yang sedang dibangunkan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan 2010 Kos					
Pada 1 Januari 2010	16,717	10,433	967	297	28,414
Pertambahan	–	659	42	–	701
Pengelasan semula	–	297	–	(297)	–
Pada 31 Disember 2010	16,717	11,389	1,009	–	29,115
Pelunasan Terkumpul					
Pada 1 Januari 2010	(5,298)	(7,186)	(324)	–	(12,808)
Caj pada tahun semasa	(1,204)	(968)	(192)	–	(2,364)
Pada 31 Disember 2010	(6,502)	(8,154)	(516)	–	(15,172)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	10,215	3,235	493	–	13,943
2009 Kos					
Pada 1 Januari 2009	16,717	10,004	705	297	27,723
Pertambahan	–	429	262	–	691
Pada 31 Disember 2009	16,717	10,433	967	297	28,414
Pelunasan Terkumpul					
Pada 1 Januari 2009	(4,094)	(5,373)	(118)	–	(9,585)
Caj pada tahun semasa	(1,204)	(1,813)	(206)	–	(3,223)
Pada 31 Disember 2009	(5,298)	(7,186)	(324)	–	(12,808)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	11,419	3,247	643	297	15,606

Hak perkhidmatan dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh RMBS/IRMBS. Baki tempoh pelunasan aset adalah antara 4 hingga 17 tahun (2009: 5 hingga 18 tahun).

18 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak boleh kuatkuasa undang-undang untuk menolak selesai aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan sekiranya cukai tertunda tersebut mempunyai kaitan dengan penguatkuasa cukai yang sama. Selepas diimbangi dengan sewajarnya, jumlah yang ditunjukkan di dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Aset cukai tertunda (sebelum diimbangi)	5,170	21,465	–	–
Liabiliti cukai tertunda (sebelum diimbangi)	(368,789)	(298,290)	(33,335)	–
Liabiliti cukai tertunda	(363,619)	(276,825)	(33,335)	–

Pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda Kumpulan ini pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

Kumpulan 2010 Aset/(liabiliti) cukai tertunda	Pada 1.1.2010 RM'000	(Didebitkan)/ dikreditkan ke penyata pendapatan RM'000	(Didebitkan)/ dikreditkan ke rizab RM'000	Pada 31.12.2010 RM'000
		(Didebitkan)/ dikreditkan ke rizab RM'000		
Lebihan elaan modal daripada susut nilai harta dan kelengkapan	(4,622)	(165)	–	(4,787)
Perbezaan sementara berkaitan dengan pertambahan diskaun sekuriti pelaburan AFS dan aset gadai janji	(309,734)	(57,931)	–	(367,665)
Untung belum direalisasi atas penilaian semula sekuriti pelaburan AFS	(282)	–	(851)	(1,133)
Untung belum direalisasi atas penilaian semula IRS	(1,496)	1,496	–	–
Perbezaan sementara berkaitan dengan peruntukan untuk kerugian penjejasan	27,341	(27,341)	–	–
Rugi belum direalisasi atas penilaian semula IRS di bawah aliran tunai perakaunan lindung nilai	11,968	(1,375)	(627)	9,966
	(276,825)	(85,316)	(1,478)	(363,619)
2009 Aset/(liabiliti) cukai tertunda	Pada 1.1.2009 RM'000	(Didebitkan)/ dikreditkan ke penyata pendapatan RM'000	(Didebitkan)/ dikreditkan ke rizab RM'000	Pada 31.12.2009 RM'000
Lebihan elaan modal daripada susut nilai harta dan kelengkapan	(1,537)	(3,085)	–	(4,622)
Perbezaan sementara berkaitan dengan pertambahan diskaun sekuriti pelaburan AFS dan aset gadai janji	(257,604)	(52,130)	–	(309,734)
Untung belum direalisasi atas penilaian semula sekuriti pelaburan AFS	(1,443)	–	1,161	(282)
Untung belum direalisasi atas penilaian semula IRS	(1,609)	113	–	(1,496)
Perbezaan sementara berkaitan dengan peruntukan untuk kerugian penjejasan	10,986	16,355	–	27,341
Rugi belum direalisasi atas penilaian semula IRS di bawah aliran tunai perakaunan lindung nilai	21,860	103	(9,995)	11,968
	(229,347)	(38,644)	(8,834)	(276,825)

18 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda Syarikat ini pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Pada 1.1.2010 RM'000	(Didebitkan)/ dikreditkan ke penyata pendapatan RM'000	(Didebitkan)/ dikreditkan ke rizab RM'000	Pada 31.12.2010 RM'000
Syarikat 2010				
Aset/(liabiliti) cukai tertunda				
Perbezaan sementara berkaitan dividen belum terima daripada anak syarikat	–	(33,335)	–	(33,335)
	–	(33,335)	–	(33,335)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
2009				
Aset/(liabiliti) cukai tertunda				
Perbezaan sementara berkaitan dividen belum terima daripada anak syarikat	–	–	–	–
	–	–	–	–
	–	–	–	–
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

19 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

	2010 RM'000	2009 RM'000
Pelaburan dalam anak syarikat:		
Syer tidak sebut harga pada kos	3,981,628	3,981,628

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan dalam ekuiti yang dipegang oleh Syarikat 2010
Cagamas	Kegiatan utama Cagamas adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Cagamas dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas juga membeli kemudahan kewangan Islam seperti pembiayaan rumah, sewa beli dan pembiayaan peribadi yang dibiayai melalui terbitan Sukuk.	100%

19 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut (sambungan):

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan dalam ekuiti yang dipegang oleh Syarikat 2010		
			2010 RM'000	2009 RM'000
CMBS	Pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan Malaysia ("GOM") dan penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam ("IRMBS") untuk membiayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam.	100%		

20 PELABURAN DALAM ENTITI TUJUAN KHAS ("SPE")

Pelaburan dalam SPE:	2010 RM'000	2009 RM'000
	—*	—*
Syer tidak sebut harga pada kos		
* bererti RM4		

SPE kepada Syarikat ini adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan dalam ekuiti yang dipegang oleh Syarikat 2010		
			2010 RM'000	2009 RM'000
BNM Sukuk	Aktiviti utama Syarikat ini ialah melaksanakan penerbitan sekuriti Islam berdasarkan prinsip syariah yang dikenali sebagai BNM Sukuk Ijarah untuk membiayai pembelian kepentingan bermanfaat atas tanah dan bangunan daripada BNM dan kemudian menyewakan tanah dan bangunan yang sama kepada BNM untuk suatu tempoh kontrak yang sama dengan tempoh BNM Sukuk Ijarah. BNM Sukuk Murabahah pula diterbitkan melalui pengeluaran Sijil Amanah sebagai bukti pelabur memiliki kepentingan bermanfaat ke atas aset komoditi berserta dengan keuntungannya, terbit daripada penjualan aset komoditi kepada BNM.	100%		
CSME	Pensekuritian pinjaman perusahaan kecil dan sederhana melalui pensekuritian tunai atau sintetik atau gabungan kedua-duanya.	100%		
CSR	Mengurus dan memberi kemudahan perniagaan jaminan yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku ('SRP') yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia.	100%		

Keputusan dan aset bersih BNM Sukuk dan CSME tidak disatukan dengan Syarikat ini kerana Kumpulan ini tidak mempunyai kuasa ke atas polisi kewangan dan operasi SPE ini dan ia tidak menerima faedah ekonomi daripada aktiviti mereka.

21 KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT USAHASAMA (“JV”)

	2010 RM'000	2009 RM'000
Kumpulan		
Perkongsian ke atas nilai aset bersih JV	51,852	50,865
Syarikat		
Syer tidak disebut pada kos	50,000	50,000

